



“Seksyen Dana Endowmen sentiasa komited bagi memastikan setiap pelanggan mendapat maklumat dan penjelasan yang tepat berkaitan Endowmen”



JELAJAH JERAYAWARA

Seksyen Dana Endowmen telah berjaya melaksanakan sesi Jelajah Jerayawara Endowmen UTM ke 16 Fakulti dan PTJ di UTM Johor Bahru, UTM Kuala Lumpur dan UTM Pagoh. Bukan hanya PTJ dan Fakulti, Seksyen Dana Endowmen juga mendekati dan berkolaborasi bersama Majlis Perwakilan Pelajar UTM. Endowmen mengambil langkah proaktif untuk melaksanakan jelajah jerayawara ini dengan tujuan murni bagi memastikan seluruh warga UTM mendapat maklumat berkaitan peranan Endowmen dan Tatacara penggunaan dana yang diperolehi disamping itu mempromosikan Endowmen kepada warga UTM.

Sesi jelajah jerayawara ini telah bermula sejak Januari 2024 dan berakhir pada Mac 2024. Diharapkan sinergi bersama warga UTM ini kekal berterusan bagi menjamin kelestarian Endowmen Universiti Teknologi Malaysia.

PENYAMPAIAN SUMBANGAN DUIT RAYA SEMPENA TAHUN BARU CINA



Semua pelajar UTM yang memerlukan bantuan kewangan adalah layak untuk dipertimbangkan bagi menerima manfaat Tabung Endowmen UTM. Bagi menyambut Tahun Baru Cina 2024, Seksyen Dana Endowmen dengan kerjasama Jabatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) telah mengenal pasti seramai 20 orang pelajar berbangsa Cina untuk menerima sumbangan duit raya.

Majlis penyerahan sumbangan ini telah diadakan pada 7 Februari 2024 (Rabu) bertempat di Bilik Mesyuarat UGS, Blok R02. Majlis ini bertujuan untuk menyampaikan sumbangan duit raya kepada pelajar-pelajar yang terpilih, sebagai tanda keprihatinan dan sokongan pihak universiti terhadap kebajikan pelajar, terutamanya mereka yang memerlukan bantuan kewangan sempena perayaan Tahun Baru Cina.

Acara ini juga menunjukkan komitmen berterusan UTM dalam menjaga kebajikan pelajar dari semua latar belakang dan budaya, selaras dengan prinsip kesepaduan dan kesejahteraan komuniti universiti. Inisiatif seperti ini diharapkan dapat mengukuhkan lagi semangat perpaduan dalam kalangan pelajar dan menyemai rasa syukur serta kebertanggungjawaban terhadap komuniti universiti.

“Bantuan ini bertujuan untuk meringankan beban kewangan pelajar berbangsa Cina serta memastikan mereka dapat merayakan perayaan ini dengan lebih gembira dan bermakna.”





Seksyen Dana Endowmen telah menerima kunjungan dari Penolong Bendahari dari Pusat Pelaburan Endowmen dan Wakaf Universiti Malaysia Sabah (UMS) selama tiga hari . Kunjungan ini bertujuan untuk pihak Seksyen Dana Endowmen UTM berkongsi pengalaman dan pandangan berkaitan pengurusan Endowmen. Selain itu, Jabatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) turut serta memberikan perkongsian berkaitan pengurusan Biasiswa Endowmen di UTM. Ini merupakan inisiatif yang penting untuk memperkukuhkan kerjasama antara institusi dalam bidang pengurusan dana endowmen serta meningkatkan kecekapan dalam pengelolaannya di kalangan IPTA di Malaysia.

"Perkongsian maklumat berkaitan endowmen adalah penting untuk meningkatkan kecemerlangan endowmen di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Malaysia"

TEAM BUILDING SEKSYEN DANA ENDOWMEN

Seksyen Dana Endowmen UTM telah mengadakan aktiviti team building di Sumiran Eco & Resort, Kuching. Program ini bertujuan untuk memperkukuh hubungan kerja, meningkatkan semangat berpasukan, dan membina kekuatan dalaman dalam kalangan kakitangan Seksyen Dana Endowmen.

Selain itu, terdapat juga sesi refleksi dan perkongsian di mana ahli pasukan berpeluang untuk berkongsi pengalaman dan pandangan mereka mengenai cabaran-cabaran yang dihadapi dalam kerja seharian. Sesi ini membantu memperkukuh rasa empati dan kefahaman antara satu sama lain, serta mengenalpasti cara-cara untuk meningkatkan lagi keberkesanan dan keserasian dalam bekerja sebagai satu pasukan.

Aktiviti team building di Sumiran Resort, Kuching ini bukan sahaja berjaya mencapai matlamatnya dalam membina kekuatan dan semangat berpasukan, tetapi juga memperbaharui komitmen dan motivasi para kakitangan Seksyen Dana Endowmen UTM. Program ini diharapkan akan memberikan impak yang positif terhadap prestasi dan kerjasama dalam kalangan kakitangan, sekaligus menyumbang kepada kejayaan dan kecemerlangan Seksyen Dana Endowmen secara keseluruhan.



"Satu Tekad, Suara Bersama: Menuju kejayaan Endowmen!"


Tahun 2024, Seksyen Dana Endowmen UTM mula giat menjalankan Kunjungan Hormat ke syarikat-syarikat dan badan korporat yang berpotensi untuk menjadi filantropi baharu bagi menyokong Tabung Endowmen UTM. Aktiviti ini bertujuan untuk memperkenalkan dan mempromosikan inisiatif endowmen kepada pihak korporat serta menggalakkan mereka untuk menyumbang kepada dana yang disediakan untuk kebajikan dan kecemerlangan pelajar UTM.

Kunjungan hormat ini bukan sahaja membuka jalan kepada potensi sumbangan tetapi juga memperkukuhkan hubungan antara UTM dan sektor korporat. Ia mencerminkan komitmen bersama untuk memastikan kebajikan dan kecemerlangan para pelajar UTM, terutamanya mereka yang memerlukan bantuan kewangan, dapat dipertingkatkan. Dana yang terkumpul melalui usaha ini akan digunakan untuk pelbagai tujuan, termasuk biasiswa, bantuan kewangan, projek penyelidikan, dan aktiviti-aktiviti pelajar yang lain.

“Pelbagai Usaha dan program harus dirancang dengan teliti bagi memastikan pelaksanaan berjalan dengan lancar bagi menambah dana Tabung Endowmen UTM

Antara syarikat yang berbesar hati dan sudi menerima kunjungan hormat daripada Seksyen Dana Endowmen termasuklah Skop Production Sdn. Bhd., System Consultancy System Sdn. Bhd., dan PLANMalaysia. Kunjungan ke syarikat-syarikat ini telah membuka peluang untuk mengadakan perbincangan yang konstruktif mengenai potensi sumbangan dan kerjasama yang boleh diadakan antara pihak syarikat dan

UTM. **“Bersama Menyemai Kecemerlangan”**



PERBINCANGAN BERSAMA AL-IKHSAN SPORT SDN.BHD



Pada 8 Mac 2024, satu sesi perbincangan awal telah diadakan antara wakil dari Seksyen Dana Endowmen UTM dan wakil dari Al-Ikhsan Sport Sdn. Bhd. Tujuan perbincangan ini adalah untuk meninjau peluang kolaborasi yang boleh dijalankan antara kedua-dua pihak bagi manfaat pelajar UTM.

Dalam sesi perbincangan tersebut, beberapa cadangan telah dikemukakan. Antaranya adalah program motivasi yang akan melibatkan pelajar-pelajar UTM. Program ini diharapkan dapat memberikan inspirasi dan semangat kepada pelajar-pelajar untuk terus berusaha mencapai kecemerlangan dalam akademik dan kehidupan mereka.

"Peluang Kolaborasi"

Satu sesi perbincangan susulan telah diadakan antara pihak UTM dan syarikat IM Global Property Consultants Sdn. Bhd. untuk membincangkan lebih lanjut mengenai penawaran biasiswa kepada pelajar UTM. Dalam perbincangan ini, syarikat tersebut turut menyatakan minat mereka terhadap penamaan ruang kepada nama penyumbang atau syarikat sebagai pengiktirafan berdasarkan sumbangan yang diberikan kepada Endowmen UTM.



MAJLIS BERBUKA PUASA BERSAMA PENERIMA SUMBANGAN DAN BIASISWA YB DATO' DAING A MALEK BIN DAING A RAHAMAN



"Saya menyeru untuk para penerima sumbangan dan biasiswa dapat menzahirkan bantuan yang diberikan tersebut dalam bentuk usaha dan semangat untuk belajar bersungguh-sungguh dan cemerlang."

YBHG. PROF. DATUK IR. TS. DR. AHMAD FAUZI B. ISMAIL

Pada 26 Mac 2024, satu Majlis Iftar telah diadakan untuk meraikan para penerima sumbangan bantuan makanan dan biasiswa Endowmen UTM yang ditaja oleh Syarikat Bidari Kekal Sdn. Bhd. Majlis tersebut telah dirasmikan oleh Ybhg. Prof. Datuk Ir. Ts. Dr. Ahmad Fauzi B. Ismail, Naib Canselor UTM.

Majlis iftar ini bertujuan untuk menghargai dan meraikan para penerima sumbangan yang terdiri daripada pelajar-pelajar UTM yang memerlukan bantuan kewangan. Dengan adanya bantuan ini, pelajar-pelajar tersebut dapat terus fokus dalam pelajaran mereka tanpa perlu risau tentang keperluan asas harian dan kos pendidikan.

Dalam ucapan perasmianya, Ybhg. Prof. Datuk Ir. Ts. Dr. Ahmad Fauzi B. Ismail menekankan betapa pentingnya sokongan daripada sektor korporat dalam membantu merealisasikan aspirasi pendidikan tinggi yang berkualiti dan inklusif. Beliau juga menyatakan penghargaan yang tinggi kepada Syarikat Bidari Kekal Sdn. Bhd. atas sumbangan yang sangat bermakna ini.

Secara keseluruhannya, Majlis Iftar ini telah berjalan dengan lancar dan mencapai matlamatnya untuk meraikan para penerima sumbangan, serta mengukuhkan lagi hubungan kerjasama antara UTM dan Syarikat Bidari Kekal Sdn. Bhd. Diharapkan majlis seperti ini dapat diteruskan pada masa hadapan untuk memberikan manfaat kepada lebih ramai pelajar yang memerlukan.

